

13 AUG 1997

#### BSKL MELAMBUNG SEMULA, TETAPI PERSOALAN KEKAL

Oleh: Jeffri Mohd Rafiee

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Setelah dua minggu yang dihantui harga-harga saham yang jatuh, dan setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dua orang pegawai kanan Bursa Saham Kuala Lumpur menyeru para pelabur supaya membeli dan terus membeli, pasaran hari ini melambung semula.

"Pada setengah jam terakhir kami melihat pengambilan pegangan oleh pelabur-pelabur berinstitusi untuk urus niaga esok. Kami menjangka pergerakan kecil serupa pada 10 - 20 mata meningkat esok," kata seorang penganalisis.

Tanda aras Indeks Komposit hari ini meningkat kepada setinggi 919.58, sebelum ditutup pada 908.83, kenaikan 11.58 mata di atas penutup semalam.

Semalam, Indeks Komposit ditutup pada 897.25 dengan serendah 885.22. Pada 31 Julai ia ditutup pada 1,012.84.

Para penganalisis berkata terdapat pelabur-pelabur berinstitusi tempatan dan asing di pasaran membeli secara kecilan saham-saham mewah, manakala pelabur-pelabur individu runcit berhati-hati membeli saham-saham yang menjadi menarik akibat kejatuhan kebelakangan ini.

"Firasat saya bahawa mereka akan meninggalkan pasaran kerana kelemahan," kata seorang penganalisis.

Saham-saham mewah seperti Maybank dan Genting diurus niagakan, tetapi di dalam pergerakan yang kecil sahaja oleh pelabur-pelabur terkemuka yang bimbang bahawa peningkatan harga keterlaluan boleh menarik para penjual, katanya.

Maybank pulih 50 sen menjadi RM22.50 manakala Genting meningkat 10 sen kepada RM10.60.

Seorang penganalisis lain mendakwa bahawa pantulan itu sebenarnya bermula lewat semalam apabila pelabur-pelabur tempatan mulai membeli saham-saham dengan kepercayaan bahawa penjualan cergas telah berkurangan.

Ulasan-ulasan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kerajaan akan menyekat import, dipercayai telah membantu meningkatkan sentimen pasaran.

"Kita akan lihatlah nanti selama mana berita itu akan membantu menyokong pantulan itu," kata penganalisis itu.

Ringgit juga memantul semalam setelah berita itu, tetapi jatuh semula lebih rendah hari ini. Pada pukul 5.00 petang ini, ringgit berada pada 2.7860/10 berbanding dolar, berbanding dengan 2.7655/85 24 beberapa jam terdahulu.

Seorang peniaga ekuiti berkata pasaran saham harus menjadi stabil pada paras 890 hingga 920 mata dalam beberapa minggu. Ringgit juga harus menjadi stabil memandangkan bahawa, beliau percaya, ia adalah pada paras paling rendah.

Beliau berkata pengurangan ke atas import tidak produktif akan meningkatkan bukan sahaja imbalan dagangan tetapi juga sentimen pasaran dalam jangka sederhana.

Seorang penganalisis teknikal berkata jika Indeks Komposit perlu menguji semula beberapa halangan, maka pantulan itu mungkin sementara.

"Bagaimanapun, ramalan masa depan jangka pendek, sederhana dan panjang mungkin agak berkecuali kepada cergas dalam pergerakannya, dengan beberapa kejutan."

Bagi papan kedua, yang meningkat 4.48 mata kepada 485.56 hari ini, beliau berkata penembusan pada paras halangan 505 kepada 521 hingga 549

mungkin pasti berlaku. Pada masa itu papan itu akan berada pada arah aliran meningkat yang diperbaharui.

Bagaimanapun, jika terdapat sebaliknya, maka saham-saham di papan itu mungkin turun ke paras paling rendah pada sekitar 425 hingga 450.

"Sama ada gambaran itu munasabah, papan itu kelihatan menarik ke atas urus niaga kontra bagi baki minggu ini," katanya. -- BERNAMA

JR OS/sia